



KERTAS PROJEK

TAJUK

"Tauliah" Perkara 167(1) dan (2) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak 1965. Konsep serta Perlaksanaan Dan Kesan nya Terhadap Masyarakat Islam Di Negeri Perak.

OLIH

ISMAIL BIN MAJI MOHAMAD NOOR

DIBAWAH MUSYRIF

AL-FADZIL USTAZ ABDULLAH BIN ABU BAKAR

KULLIYYAH UNDANG-UNDANG

UNIVERSITI ISLAM ANTARA BANGSA

Dengan nama Allah yang amat mengasihani lagi amat menyayangi, selawat dan salam keatas jenjungan besar Nabi kita Muhammad s.a.w. Allaudulillah dengan izinnya dapatlah saya menulis dan membuat kajian ringkas mengenai tentang "Tauliah dan peranannya dalam masyarakat Islam di Negeri Perak Darul Redzuan".

Tajuk serta kajian ini dibuat berdasarkan kepada kurang fahamnya masyarakat Islam di Negeri Perak tentang konsep dan peranan Tauliah hingga menimbulkan satu isu yang sering diperkatakan dalam perjumpaan-perjumpaan ilmu, dimana timbul nya isu pro dan kontra mengenai Tauliah tersebut. Juga perlakuan yang mendurong saya membuat kajian tentang Tauliah ini, kerana ia nya tidak pernah di kaji solidik oleh sasiapa pun sebelum ini, pada hal peranannya cukup penting dalam memperkembangkan ilmu pengetahuan agama terutama di kampong-kampong pendalaman yang terpencil.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada musyrip saya Al-Fadzil Ustaz Abdullah bin Abu Bakar yang memberi tunjuk ajar dan bimbingan, peransang serta nasihat untuk saya menulis mengenai tajuk Tauliah dan peranannya di Negeri Perak.

Saya harap melalui kajian Kertas Projek yang dibuat ini dapatlah salurang-lurang nya memberi panduan secara ringkas dan juga merupakan jawapan kepada masalah-masalah yang kurang kita ketahui dan fahami selama ini. Mudah-mudahan dengan kajian ringkas saya ini akan mendapat taufik dan hidayah dari Allah s.w.

(ISMAIL BIN HAJI MOHAMED NOOR)

## LEBIH MANDUJUAN

### Lampiran A.

Warta Kerajaan Negeri Perak. Jil. 19, Bil. 17. 25hb. Ogos 1966  
(P.C.U.N.Pn. (SULIT) 222/52).

### Lampiran B.

Peraturan pembayaran saguhati tahunan kepada guru-guru agama yang bertauliah.

### Lampiran C.

Siaran(Tegahan memberi syarahan mengenai hukum Agama Islam tanpa kebenaran).

### Lampiran D.

Borang permohonan mengikuti kursus bakal guru-guru agama bertauliah.

### Lampiran E.

Borang saguhati kepada guru-guru bertauliah yang mengajar di Mesjid dan Madrasah-Madrasah dalam Negeri Perak.

### Lampiran F.

Borang IV(Borang permintaan bersyarah agama, Peraturan 10(2)

#### Bab.1.

1.1. Latar Belakang Sejarah Tauliah.

1.2. Peraturan Tauliah.

#### Bab.2.

2.1. Tujuan Tauliah.

2.2. Badan Pengelola dan Penapis Tauliah.

2.3. Cara dan Peraturan Tauliah.

2.4. Bagaimana Tauliah dikeluarkan.

Bab.3.

- 3.1. Jenis Tauliah Serta Kajian Ringkas.
- 3.2. Peranan Tauliah Dari Berbagai Sudut.
- 3.3. Jumlah Tauliah Yang Diluluskan.
- 3.4. Cara Pemberian Saguhati Guru Agama Bertauliah.
- 3.5. Pengawasan Guru Agama Bertauliah.

Bab.4.

- 4.1. Hubungan Guru Bertauliah dengan Guru Agama Dalam, persamaan dan perbezaan dari berbagai aspek.
- 4.2. Hubungan Guru Agama Bertauliah dengan Guru Takmir, persamaan dan perbezaan dari berbagai aspek.
- 4.3. Hubungan Guru Agama Bertauliah dengan Badan-Badan pertubuhan yang lain.

Bab.5.

- 5.1. Keberkesanan Tauliah Dalam Perkembangan Masyarakat Islam di Negeri Perak Darul Redzuan.

Bab.6.

- 6.1. Kebaikan Tauliah serta Gambaran dan contoh.
- 6.2. Keburukan Tauliah serta gambaran dan contoh.

Bab.7.

- 7.1. Bandingan serta iktibar dari contoh yang berlaku dari zaman para Anbia dan para Sahabat Rasulullah s.a.w.
- 7.2. Dalil dari Al-Quran, Hadis serta dari Kitab-Kitab multabah yang berkaitan dengan fungsi Tauliah.
- 7.3. Pandangan dan komen serta cadangan dari penulis.

NEGERI PERAK  
WARTA KERAJAAN  
DI-TERBITKAN DENGAN KUASA  
GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 19  
Bil. 17

25hb. Ogos, 1966.

TAMBAHAN NO. 18  
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 49.

UNDANG2 PENTADBIRAN UGAMA ISLAM, 1965.

(Perak Bil. 11 bagi 1965)

PERATORAN2 MENGAJAR UGAMA, 1966.

PADA menjalankan kuasa2 yang di-berikan oleh fasil 190 Undang2 Pentadbiran Ugama Islam, 1965 maka Raja Pemerintah dalam Meshuaret ada-lah dengan ini membuat Peratoran2 yang berikut:

1. Peratoran2 ini boleh-lah di-sebut sa-bagi Peratoran2 Mengajar Ugama, 1966 dan hendak-lah berjalan kuat kuasa-nya pada 1 hari bulan Mei, 1966 bersamaan dengan 10 haribulan Muharram, 1386 Hijrah.

Geleran

2. Dalam Peratoran2 ini melainkan jika maksud-nya berkehendakkan kepada ma'ana yang lain:

Ma'ana.

"Kadhi" ma'ana-nya sa-orang Kadhi yang di-lantek mengikut Undang2 ini dan termasuk-lah "Kadhi Besar";

"Majlis" ma'ana-nya Majlis Ugama Islam dan 'Adat Melayu, Perak yang di-tubohkan mengikut fasil 5 dalam Undang2 ini.

"Tauliah" ma'ana-nya suatu surat kuasa yang di-keluarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau bagi pehak-nya.

"Yang Di-Pertua" ma'ana-nya Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu, Perak..

3. (1) Sa-siapa yang hendak mengajar sa-suatu hukum Ugama Islam hendak-lah terlebih dahulu mendapat tauliah.

Kebenaran.

(2) Perstoran kecil (1) dalam Peratoran ini tidak akan digunakan bagi:

- (a) sa-sa-orang yang mengajar sa-suatu hukum Ugama Islam di-rumah-nya sendiri dan di-hadapan ahli2 rumah-nya sahaja, dan
- (b) orang2 yang mengajar di-Sekolah2 Kerajaan atau Sekolah2 yang di-bantu oleh Kerajaan.

(3) Permohonan untuk mendapatkan kebenaran itu hendak-lah dibuat dalam Borang I ini kepada Yang Di-Pertua.

4. (1) Sebelum taulish itu di-keluarkan maka Yang Di-Pertua boleh-lah memanggil pemohon itu pada bila2 masa untuk mengada-kan temuduga.

Temuduga.

(2) Pada ketika temuduga itu pemohon boleh di-kehendaki memberikan butir2 yang lebih lanjut yang di-fikirkan mustahak.

5. (1) Yang di-Pertua hendak-lah menghantar semua permohonan yang telah di-luluskan kepada Duli Yang Maha Mulia untuk di-sahkan.

Pengesahan oleh Duli Yang Maha Mulia.

(2) Duli Yang Maha Mulia atau Yang Di-Pertua dengan arahan Duli Yang Maha Mulia boleh-lah menunda tanggung serti mengeluarkan taulish itu.

(3) Taulish itu hendak-lah mengikut rupa bentuk yang di-izism Borang II.

6. Pemohon apabila menerima taulish itu hendak-lah membuat kenyataan di-hadapan Kadhi dalam Borang III.

Kenyataan.

7. Satu Daftar mengenai semua taulish yang di-keluarkan hendak-lah di-simpan di-Pejabat Ugama Islam dan 'Adat Melayu, Perak.

Daftar.

8. Taulish yang di-keluarkan di-bawah Peraturan2 ini:

(a) boleh pada bila2 masa di-batalkan oleh Duli Yang Maha Miliu;

Taulish boleh dibatalkan.

(b) ada-lah menjadi harta milik Majlis dan sa-sa-orang yang memegang taulish itu hendak-lah menyerahkannya kepada Yang Di-Pertua apabila di-kehendaki berbuat demikian

(c) Ada-lah sah selama tiga tahun mulai dari tarikh di-keluarkan dan boleh di-baharui dengan membuat permohonan kepada Yang Di-Pertua.

9. (1) Sa-sa-orang yang memegang taulish hendak-lah menunaikan sharat2 yang di-kenakan oleh Majlis.

Sharat2 di-kenakan oleh Majlis.

(2) Tiap2 sa-buah buku Ugama yang di-gunakan oleh orang yang demikian itu hendak-lah terlebih dahulu di-luluskan oleh Majlis.

(3) Orang yang demikian hendak-lah menunjukkan taulish itu apabila di-kehendaki untuk di-pereksa oleh seorang pegawai Majlis yang di-beri kebenaran bagi maksud itu.

10. (1) Sa-sa-orang yang hendak bersharah atau membuat ujian mengenai hukum Islam hendak-lah terlebih dahulu mendapat kebenaran Yang Di-Pertua.

Sharahan mengenai Hukum Ugama Islam.

(2) Permohonan hendak-lah di-buat dalam Borang IV,

(3) Yang Di-Pertua boleh-lah mengeluarkan kebenaran yang bertulis dalam Borang V.

(4) Peraturan kecil (1) dalam Peraturan ini tidak akan di-konakan kepada mereka yang memegang taulish mengajar manz2 hukum Islam yang di-keluarkan mengikut Peraturan2 ini.

(5) Yang Di-Pertua boleh-lah mengikut timbangannya mengechualikan sa-siapa juo daripada kehendak Peraturan Kecil (1) dalam Peraturan ini.

11. Se-siapa yang melanggar nombor2 sharat Peraturan2 ini ada-lah melakukan kesalahan di-bawah Undang2 Pentadbiran Ugama Islam, 1965.

Melanggar Peraturan2.

12. Peraturan2 ini tidak akan di-kenakan kepada ahli2 Majlis.

13. Se-suatu taulish yang di-keluarkan sa-bbelum berjalan kuat kuasa Peraturan2 ini hendak-lah di-baharui mengikut Peraturan2 ini.

Termarktub di-Ipoh, pada 1 hari bulan Mei, 1966.

(P.S.U.K.Pk.(SULIT) 222/52).

BAHARUDDIN BIN ABDUL MULUK,  
Setia Usaha,  
Majlis Mesruorat Kerajaan,  
Perak.

PERATURAN PEMBAYARAN SAGUHATI TAHUNAN  
KEPADAM GURU2 UGAMA YANG BERTAULINH.

Peraturan ini boleh iah di sebut sebagai Peraturan-peraturan Pembayaran Saguhati Tahunan kepada Guru-Ugama yang bertaulin.

Dalam peraturan ini melainkan jika maksud nya berkehendakkan kepada makna yang lain:

Guru Ugama: Seorang yang ada berpengalaman Ugama dan mendapat Tauliah Mengajar daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Tauliah: Makna nya suatu surat kusus yang di keluarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau bagi pihak nya.

Saguhati: Makna nya wang pemberian yang di timbangkan oleh Yang Di Pertua daripada satu masa ke satu masa kepada Guru-Guru Ugama yang bortauliah dan mengajar di masjid-masjid, di surau-surau atau di madrasah-madrasah di dalam Negeri Perak.

- A. PERINGKAT PERTAMA: hendaklah mengajar tidak kurang daripada 10 kali di dalam sebulan mengajar Kitab-kitab Ba'ana Ardh, Kajian Ugama Islam saumpama; Tauhid, Quran, Tasawuf, Hadith dan Tafsir.
- B. PERINGKAT KEDUA: hendaklah mengajar tidak kurang daripada 8 kali di dalam sebulan, mengajar Kitab-kitab Bahasa Melayu, Kajian Ugama Islam yang lebih daripada Fardhu 'Ain, saumpama Kitab Mu'allul Dzidzairi, Durus Samin, Riduanthus-Sulikin dan sebagai nya.
- C. PERINGKAT KETIGA: hendaklah mengajar tidak kurang daripada 6 kali di dalam sebulan di dalam Ilmu-Ilmu Fardhu 'Ain.
- D. Guru-Guru Ugama yang mengajar pada tingkatan-tingkatan yang tersebut di atas, hendaklah mengajar SEKURANG-KURANG NYA TIGA TEMPAT DI DALAM TIGA KARIAH MASJID, SEBOLEH-BOLEH NYA tiap-tiap bulan, di Masjid-masjid atau surau atau madrasah-medrosah di dalam masa tidak kurang daripada 12 bulan di dalam setahun yang lopas.
- E. Timbangan bagi mendapatkan bayaran Saguhati hendaklah di perbuat di dalam satu borang yang ditetapkan daripada satu masa ke satu masa.
- F. Borang-borang yang telah di isi hendaklah di sampaikan kepada Kadi Daerah dan pembayaran yang di timbangkan oleh Yang Di Pertua hendaklah di timbangkan di atas Borang yang telah di sokong oleh Kadi-Kadi Daerah itu.
- G. Guru-guru Ugama yang mendapat bayaran gaji atau eluan daripada kerajaan tidak akan di timbangkan pembayaran saguhati itu.
- H. Guru-guru Ugama yang mengajar di luar Daerah Kadi-Kadi nya hendaklah mengambil pengesahan daripada Kadi tempat guru itu mengajar.
- (a) (i) Tingkatan Yang Pertama boleh di timbangkan bagi di bayar tidak lebih daripada \$250.00  
(ii) Tingkatan Yang Kedua boleh di timbangkan bagi di bayar tidak lebih daripada \$200.00  
(iii) Tingkatan Yang Ketiga boleh di timbangkan bagi di bayar tidak lebih daripada \$175.00
- (b) Yang Di Pertua tidaklah terikat dengan kadar pembayaran itu bahkan terpulang lah kepada pertimbangannya mengikut keadaan kewangan daripada satu masa ke satu masa.
- Yang Di Pertua boleh menimbangkan dan memberi Saguhati kepada seseorang Guru Ugama mengajar yang tidak mencukupi syarat di dalam peraturan ini.

Jabatan Hal Ehwal Ugama Perak,  
Ipoh: 16hb. Julai, 1980.

Ipoh: 7hb. Oktober, 1976.

na Masjid,  
na Naib Kadi,  
na Negori Perak.

Per: Siaran Yang Di Pertua Bil:

Tegahan Memberi Syarahan Mengenai  
Hukum Ugama Islam Tanpa Kebenaran

Menurut Peraturan Mengajar Ugama 1966 Faasal 10 adalah seperti berikut:

1. Seseorang yang hendak bersyarah atau membuat ucapan mengenai hukum Ugama Islam, hendaklah terlebih dahulu mendapat kbenaran Yang Di-Pertua.

2. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang IV.

3. Yang Di Pertua bolehlah mengeluarkan kbenaran yang bertulis dalam Borang V.

4. Peraturan Kecil (1) dalam Peraturan ini tidak akan dikenakan kepada mereka yang memang Tauliah Mengajar mana-mana hukum Ugama Islam yang dikeluarkan mengikut Peraturan ini.

2. Dan menurut Faasal 11 berbunyi "Sesiapa yang melanggar mana-mana syarat Peraturan ini adalah melakukan kesalahan dibawah Undang-Undang Pendidikan Ugama Islam 1965" yang mana boleh dihukum denda atau penjara.

3. Dongen poruntukan Undang-Undang yang tersebut maka Pegawai Polis atau Pegawai Penoreksa Hal Ehwal Ugama atau Ponghulu dan Naib Kadi dan Ketua Kampung bolehlah mengambil tindakan keatas sesiapa juga yang memberi syarahan mengenai hukum Ugama Islam tanpa kbenaran dimana-mana juga didalam Negeri ini dan pada bila-bila masapun sara ada dalam perayaan Maulud Nabi atau barang sebagainya.

4. Siaran ini bukanlah bertujuan menyekat perkembangan ajaran Islam atau sebarang Dakwah Islam didalam negori ini bahkan menyekat ajaran karut yang membawa perpecahan atau hasutan dan menyekat dakwah-dakwah yang membawa orang Islam kita kopada lemah dan monahan daripada ajaran-ajaran yang akan merodakan keselamatan dan keamanan didalam negori ini.

5. Oleh itu maka inilah diingatkan supaya tuan jangan menerima atau menampung sesiapa yang bertujuan hendak memberi syarahan Ugama tanpa kebenaran daripada Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam Perak, atau tanpa Tauliah Mengajar Ugama yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, dan sekiranya seseorang itu berdegil juga hendak memberi syarahan maka sila lapurkan dengan sorta morta kopada Tuuan Kadi Daerah untuk disampaikan kepada Yang Di Pertua Majlis.

(DATO' HJ. AHMAD HISHMI BIN MAT PIAH, DPCM, PIP, AM)  
Yang Di Pertua Majlis  
dan  
Ketua Jabatan Hal Ehwal Ugama  
Perak.

s.k.

YAB/YAB/YB Orang Bosar Jajahan,  
YB. Pegawai Daerah,  
YB. Penolong Pegawai Daerah yang nonjaga Saerah kecil,  
YB. Ketua Polis Perak,  
AF. Kadi Daerah,  
Penghulu Mukim,  
Pemerkosa Hal Ehwal Ugama,  
Ketua Kampung.

JABATAN HAL EHWAL UGAMA  
PERAK.

Telefon: 519688 & 519713  
Kawat: 'UGAIA'

DORONG PERLICHANAN MENGIKUTI KURSUS BAKAL  
GURU-GURU UGAMA BERTULIH 1404/1984

Kepada:  
Yang Di Pertua Majlis dan  
Ketua Jabatan Hal Ehwal Ugama,  
Perak.

Adalah saya dengan hormat dan taksiarha memohon mengikuti Kursus Bakal Guru-Guru Ugama Bortauliah anjuran Kerajaan Negeri Perak dibawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Ugama Perak dan scya mongaku bersetuju mematuhi segala peraturan dan syarat yang ditetapkan. Dibawah ini saya nyatakan butir-butir mengenai diri saya:



(Tariikh)

(Tanda tangan Pemohon)

7. Sokongan Kadi Daerah: .....  
.....  
.....  
.....  
.....  
  
.....  
(Tarikh) ..... Tanda tangan Kadi

J.U.Pk.(RJK) 0008 Jld. 5

LIPIRAN " E "

DORANG SAGUHATI KEPADA GURU-GURU BERTAULIH YANG  
MENGAJAR DI MASJID DAN MADRASAH-MADRASAH DALAM  
"RENGAS PERAK BAGI TAHUN 1987.

Nama Guru Ugama ..... "K/P" .....

Alamat: .....

Dalam Wilayah Kadi : ..... Guru Ugama Bertaulih

Mengajar Kitab Arab/Jawi ..... Sebutkan tempat-tempat mengajar serta nama masjid-masjid dan madrasah-madrasah itu.

1. .... 2. ....

3. .... 4. ....

5. .... 6. ....

7. .... 8. ....

9. .... 10. ....

Nama Kitab-Kitab yang diajar : (ditulis dengan Jawi)

1. Kitab Arab : .....  
.....

2. Kitab Jawi : .....  
.....

Banyak murid yang telajar : (1). Belajar Kitab Arab seramai :

(2). Belajar Kitab Jawi seramai :

Banyak kali mengajar dalam sebulan (i). Mengajar Kitab Arab ..... kali sebulan.

(ii). Mengajar Kitab Jawi ..... kali sebulan.

Bahawa saya mengaku adalah kenyataan yang diberi diatas ini semuanya benar.

Tarikh : .....  
.....  
Tandatangan Guru Ugama.

Peringatan :

Borang ini hendaklah dikembalikan ke Jabatan ini melalui Tuan Kadi Daerah tidak lewat daripada 17hb. Oktober, 1987.

Sokongan Kadi Daerah.

Bahawa saya telah menyatakan kenyataan diatas ini, menurut pendapat saya adalah ..... Oleh itu saya menyokong bayaran peringkat:

(i) \$.....

(ii) \$.....

(iii) \$.....

Saya tidak menyokong kerana.....

.....  
Tandatangan Kadi.

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK.

Permintaan Bersyarah Ugama  
(Peraturan 10(2))

Kepada Yang Berhagia,  
Yang Di Pertua Majlis dan Ketua  
Jabatan Hal Ehwal Ugama Perak.

Saya memohon kebenaran bagi menganjurkan suatu majlis syarahan  
ugama dan keterangannya berikut di bawah ini:-

1. Nama Pengajur Syarahan: .....
2. No.Kad Pengenalan: .....
3. Alamat: .....
4. Tempat hendak memberi syarahan: .....
5. Tajuk syarahan: .....
6. Tujuan syarahan: .....
7. Tarikh bersyarah: ..... Masa bersyarah: .....
8. Nama pensyarah: .....
9. No. Kad Pengenalan: ..... 10. Alamat: .....  
.....
11. Pelajaran/Kelulusan: .....

Sesungguhnya saya berikrar dan mengaku bahawa saya akan bertanggung jawab mematuhi Undang Undang Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Melayu Perak tahun 1965 dan Peraturan Peraturan yang di buat di bawahnya yang mengenai perkara ini dan mengawal majlis itu supaya berjalan dengan aman, sesuai dengan Undang Undang dan Dasar Kerajaan.

Tarikh:

Tandatangan Pemohon

..... )

Sokongan Kadi/Pegawai Daerah/Naib Kadi/Penghulu:-

.....  
.....

Tarikh:

.....  
Tandatangan dan Cpp Pejabat

J.U.Pk/F/6/77

III.B.1.1.1. LITERATUR PELUANG SEJARAH MUALLIM.

Sebelum kita mucol kepada membincangkan latar belakang sejarah Muallim, perlu kita menghati ilmu perkira-perikara yang berkait dengan sejarah dan pertumbuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perak itu sendiri.

Negeri Perak adalah sebuah Negori yang dimasukkan ke dalam apa yang dipanggil oleh Kerajaan British sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau "Federated Malay State" yang ditubuhkan dalam tahun 1896 dengan kuasa pemerintahan Beraja. "Raja pemerintah dalam majlis mesyuarat dengan menyiarikan dalam Warta Kerajaan boleh membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan syarat-syarat Undang-Undang ini dengan syarat tidak mencacatkan syarat-syarat am yang telah tersebut terdahulu dari pada ini"(1).

Pentadbiran Hal Ehwal Agama.

Mengenai Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Perak ini tidaklah dapat diketahui dengan jelasnya bilaakah ianya mula disusun dengan cara-cara yang berperaturan, ini mungkin disebabkan oleh fahaman orang-orang Islam pada zaman itu bahawa masalah Agama adalah tanggung jawab individu, dengan itu tidaklah lagi memerlukan sambutan peraturan.

Undang-Undang Sembilan Puloh Sembilan.

Satakat yang dapat diketahui bahawa Undang-Undang Sembilan Puloh Sembilan atau dalam bahasa Inggerisnya "Ninety Nine Laws of Perak" adalah Undang-Undang yang tertua sekali dalam Negeri Perak ini mengenai Hal Ehwal Agama. Tarikh topat dikuntkuaskan Undang-Undang ini tidak dapat diketahui, cuma kuatkuasa Undang-Undang ini

---

(1)."Undang-Undang Pentadbiran U管家 Islam 19654 Pasal 190,n.s.66.

telah berjalan hingga ke tahun 1900 apabila ia juga diambil dan  
ngam suatu Undang-Undang lain iaitu "Dab F.M.S 197".

Walau kejadianapun menurut cerita-cerita mulut yang la-  
jut diperccayai bahawa Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan itu  
telah dia semenjak pemerintahan Al-Harhum Sultan Idris Murshidil  
A'zam Syah,Baginda juga diperccayai telah melantik Tuan Haji Wan  
Muhammad bin Wan Hussain sebagai Guru Agama Baginda,tetapi tuan  
ini disebut juga oleh satengah pihak sebagai Mufti.Bolehlah di-  
kira inilah Mufti "Negeri Perak yang pertama secara tidak rasmi  
atau tidak direncanakan.Tuan Haji Wan Muhammad ini hidup hingga  
ke zaman pemerintahan anakanda Baginda iaitu Al-Harhum Sultan  
Alang Iskandar.walepas dari tahun 1900 pentadbiran Hallhwal  
Agama di Negeri Perak ini telah mengalami seberapa perubahan,  
cara penyusunan dan sabagainya untuk diubahsuaikan dengan keben-  
dak-behendak masyarakat dari masa kesemasa.(2).

#### UNDANG-UNDANG DAB 197 F.M.S.

Saperti yang dinyatakan diatas,pada tahun 1900 dikuatkuasa-  
kan satu Undang-Undang yang dinamakan "Undang-<sup>U</sup>ndang Pentadbiran  
Perizinan Orang Islam Dab.197 F.M.S".Dengan itu didirikan  
sebuah bangunan sebagai pejabat bertempat di kawasan Pejabat Kadi  
Wilayah Kuala Kangsar sekarang yang dinamakan pejabat itu dengan  
nama "Balai Syarak",dimana ditempatkan disana saorang Kadi Besar  
yang mengutusi beberapa orang Kadi Wilayah.Wilayah Kadi pada na-  
sa itu ialah Tanjung Malim,Tapah,Telok Intan,Datu Gajah,Ipoh,Sot-  
tiawan,Taiping,Simpang Lima,Kuala Kangsar,Selama,Lenggong dan  
Parit.

(2). "Suara Majlis".Dil.(1).1403 H. m.s. 7.

Tertitik : Jabatan Hallhwal Agama Islam Negeri Perak.

Pada masa itu buah dijangka oleh Haji Ghali. Dikalangan orang-orang Melayu pada masa itu perkataan Haji Besar kurang diketahui umum kerana panggilan Haji lebih popular. Adapun seorang yang pernah menjadi Haji Besar bagi Negeri Perak adalah sayangti nama berikut:-

- Perdana : Tuan Haji Abdurrahman.
- Kedua : Tuan Ahmad bin Shihab Mohd.Taib.
- Ketiga : Orang Melayu-Melayu Selbandar.
- Keempat : Tuan Haji Hashim.
- Kelima : Tuan Haji Ayob bin Alang.
- Kesemam : Shihab Abd.Mohsein bin Haji Sallich,P.C.I.,.
- Ketujuh : Dato' Haji Abd.Malik bin Haji Noordin.
- Kelapan : Tuan Haji Yahya bin Haji Mohamed,A.H.P.,.
- Kesembilan : Tuan Haji Hasbulloh bin Haji Ahmad,P.P.T,P.M.P.

#### Sekolah Quran Perak.

Pada tahun 1917 Sekolah Quran mula diujudkan di Negeri Perak dengan berlikupejabatkan di Kuala Kangsar berhampiran dengan Balai Syarak. Pelajaran Quran diajarkan dicabelah petang dan ditadbirkan oleh sebuah komiti yang dipanggil "Komiti Quran Perak". Orang yang mula-mula sekali menjadi pengurus komiti ini ialah Al-Marhum Sultan Iskandar yang pada masa itu menjadi Raja Bendahara Perak. Di pertengahan tahun 1918 Al-Marhum Sultan Iskandar meninggalkan Tahta Kerajaan Negeri Perak apabila Al-Marhum Sultan Abdul Jalil mangkat. Pengurus Komiti Quran dipergantikan oleh Yang Amat Mulia Sir Raja Chulan yang pada masa itu menjadi Raja di-Kelir Perak.

Pada zaman ini Negeri Perak bulan-sahaja bertuah kerana mempunyai saorang Sultan yang sangat mengambil berat akan hal-hal Agama iaitu Al-Marhum Sultan Alang Iskandar, saterusnya Negeri Perak juga berbangga kerana mempunyai saorang Raja Di Hilir yang amat terkenal sebagai satu-satu nya "Malay Educated".(3).

#### Komititi Syariah.

Adapun Komiti Quran yang dinyatakan diatas tadi adalah dengan sendirinya juga menjadi Komiti Syariah Negeri Perak. Dengan itu tanggungjawab Komiti ini bolihlah dikatakan sangat luas meriputi sejauh bidang Pendidikan Agama Islam yang ada pada zaman itu,umpama nya Komiti ini bertanggungjawab memberi kebenaran kepada barang buku-buku Agama yang hendak diterbitkan, juga Komiti ini mempunyai peranan penting bagi memberikan陶利ah Mengajar Agama dan sabagainya.

Komititi Quran ini dimansuhkan pada tahun 1949 apabila Majlis Agama Islam Perak ditubuhkan,tetapi Komiti Syariah terus ujud hingga sekarang ini cuma bentolnya berubah sedikit demi sedikit,dimana kalau dahulunya pengurus iapada Komiti ini dipergantikan oleh Orang-Orang Besar Negeri,namun kemudiannya digantikan dengan sasiapa sahaja yang memegang jawatan Kadi Besar dan Mufti sebagai penasihat.Salepas itu pula mengikut sekarang ini Mufti adalah menjadi Ketua atau Pengurus bagi Komiti Syariah ini,dan sekarang ini Komiti Syariah ini dinamakan "Ihli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak".(4).

(3). Ibid. m.s.8.

(4). "Fungsi Dan Aktiviti Majlis Agama Islam Perak Dan Adat Melayu Perak".m.s.5.

Pemerintahan Al-Maknum Sultan Iskandar Qaddemallah Shah.

Saperti yang telah diperkatakan tadi bahawa pada tahun 1910 Al-Maknum Sultan Iskandar menaiki Tahta Kerajaan Negeri Perak, ia-nyalah perkara-perkara penting yang berlaku pada zaman pemerintahan Baginda itu. Di camping Baginda dialui seorang Sultan yang menghalibkan juga pemerintahannya untuk kepentingan rakyat, Baginda juga satu-satu nya Sultan di Tanah Melayu pada masa itu yang teralim dan sangat mengambil berat akan hal-hal agama.

Pada zaman pemerintahan Baginda, dipanggil alim ulama dan melantik Tuan Haji Muhammad Salleh seorang alim terkenal dari Teluk Intan menjadi Sheikh Al-Islam bagi Negeri Perak. Alim Ulama sentiasa dipanggil dan diarahkan supaya menyibarkan pengajaran Islam ke seluruh pelusoh rantau Negeri Perak.

Kufti Kerajaan Negeri Perak.

Perlantikan jawatan Kufti Kerajaan Negeri Perak bermula dalam tahun 1935 sahingga sekiranya bergilir ganti seperti mana berikut:-

- Pertama : Tuan Haji Mohamad Zain bin Mohamed Amin.
- Kedua : Tuan Haji Ismail bin Hansch.
- Ketiga : Tuan Haji Tahir.
- Keempat : Tuan Haji Saaya bin Abdul Majid.
- Kelima : Dato' Haji Abu Hassan bin Abdul Majid.
- Keenam : Dato' Haji Mohamad Ghazali bin Haji Abdullah.
- Ketujuh : Dato' Abdul Halik bin Haji Noordin.
- Kelapan : Dato' Haji Harussani bin Haji Zakaria. (5).

(5). "Suara Majlis". Bil.(1).1403 H. m.s. 9.

Undang-Undang Kesalahan Syarak 1939.

Dengan komandatian Al-Marhum Sultan Iskandar pada tahun 1938, timbulah kesedaran di kalangan ahli-ahli agama khas nya bahawa satu Undang-Undang perlu dibuat dalam urusan agama terutama sekali masalah makan di khayak ramai dalam bulan puasa. Beberapa usaha telah dibuat dan akhirnya pada tahun 1939 barulah dapat diluathusahkan satu Undang-Undang yang dinamakan "Undang-Undang Kesalahan Syarak 1939" dengan perlaksanannya dibawah Balai Syarak yang ujud dalam tahun 1900 lagi. (6).

Perjumpaan Alim Ulama Negeri Perak.

Pada pertengahan tahun 1947 satu perjumpaan alim ulama secara besar-besaran bertempat di Madrasah Iskandariah Kuala Kangsar pada 10hb.Ogos 1947 dengan tujuan untuk menyatukan seluruh tenaga dan kekuatan alim-ulama di Negeri ini. Dalam hal ehwal Agama perjumpaan ini sangat penting kerana inilah kali pertamanya satu idea yang dikemukakan meminta Kerajaan membubarkan sebuah jabatan mengenai hal ehwal agama Islam khas nya di dalam Negeri Perak.

Berikutnya dengan perjumpaan itu Pejabat Sekolah Quran dipindahkan dari kawasan Balai Syarak ke Madrasah Iskandariah Kuala Kangsar dan bagitu juga pejabat Mufti dipindahkan dari Istana Bukit Candan ke tempat yang sama. (7).

(6). "Fungsi Dan Aktiviti Majlis Agama Islam Perak Dan Adat Melayu Perak Dan Jabatan Hal Ehwal Agama Perak".m.s.7.

(7). "Suara Majlis".Bil.(1).1403 H.m.s.9.

Iawal Muharam 1369.

Nenjumbil sempena dengan tarikh 1hb.Muharam 1369 H, bersamaan dengan 23hb.Oktober 1949 Kerajaan Negeri Perak telah mengujudkan sebuah Pejabat Agama yang dinamakan seperti nama sekarang ini "Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Dan Jabatan Hal Ehwal Agama Perak".(8).

Gambaran Majlis Dan Jabatan Agama.

Dengan perubahan Majlis dan Jabatan Agama pada tahun 1949 itu,Pejabat Huffti,Pejabat Quran dan Pejabat Kadi Besar (Balai Syarak) yang semuanya berada di Kuala Kangsar di pindah dan disatukan di Ipoh,iaitu di Pejabat yang pertamanya di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak,kemudian berpindah ke Pejabat Tanah dan sekarang mempunyai bangunan sendiri satinggi sembilan tingkat di-jalan Panglima Buitit Gantang.

Dengan penubuhan itu juga mansuhlah Komiti Quran tetapi tidak Komiti Syarak.Perjalanan Sekolah Quran bertukar corak,ia tidak lagi diajar disabelah petang tetapi di masukkan ke dalam Sekolah Melayu sabelah pagi dan pelajaran Quran hanya sebagai salah satu daripada pelajaran Uggama Islam pada masa itu di-kendalikan oleh saorang Nazir dan tiga orang penolong nya yang bertanggung jawab terus kepada Yang Di Pertua dan Setiausaha.Kemudian Pelajaran Agama di Sekolah-Sekolah Rendah ini di-ambil alih pula oleh Kementerian Pelajaran.

---

(8). Ibid. m.s. 10.

Sebagai kesimpulan ketika penubuhan 1949 itu hal-hal yang di kendalikan oleh Majlis dan Jabatan bolih dibahagikan kepada jum-  
nit-jumit dan ketua masing-masing seperti mana berikut:-

- i. Dahagian Fatwa diketuai oleh Tuan Ruffti.
- ii. Hadi Besar mengetuai Hadi-Hadi Wilayah.
- iii. Dahagian Pelajaran di ketuai oleh Nazir.
- iv. Dahagian Am diketuai oleh Kerani Besar.

Ketika penubuhan Majlis dan Jabatan pada tahun 1949 sahingga sekarang ini 1988 jalmi lebih kurang 39 tahun, maka bergilir gan-  
ti Yang Dilantik Majlis dan Ketua Jabatan seperti berikut:-

- |            |   |   |
|------------|---|---|
| Pertama    | : | Y.A.M.Raja Di Hilir Perak.<br>(Al-Marhum Raja Kamaruzzaman) |
| Kedua      | : | Al-Marhum Raja Omar.  |
| Ketiga     | : | Al-Marhum D.Y.A.M. Raja Idris.                              |
| Keempat    | : | Raja Musa bin Raja Mahdi.                                   |
| Kelima     | : | Raja Musa Ibni Al-Marhum Sultan Abdul Aziz.                 |
| Keenam     | : | Dato' Abdul Aziz bin Jabar.                                 |
| Ketujuh    | : | Dato' Haji Mior Arif bin Mior Alwi.                         |
| Kelapan    | : | Dato' Haji Ahmad Hisham bin Mat Piah.                       |
| Kesembilan | : | Tuan Haji Osman bin Mohd.Baki.                              |
| Kesebelas  | : | Tuan Haji Zainal Abidin bin Malmor.                         |
| Kesekali   | : | Dato' Kamaruzzaman bin Haji Ismail.                         |

Manakala Setiausaha Majlis nya pula adalah seperti mana berikut:-

- |         |   |  |
|---------|---|--|
| Pertama | : | Tuan Haji Mohd.Hisham bin Mat Piah.            |
| Kedua   | : | Awang bin Arshad.                              |
| Ketiga  | : | Dato' Hajo Ahmad Damanhuri bin Haji Abd.Wahab. |
| Keempat | : | Ramli bin Mohd.Yunus.                          |
| Kelima  | : | Mohd.Mohsin bin Mohd.Khir.                     |

Ketuaan : Encik Mohamed Noryah bin Mohamed. (9).

#### 1.2. PERINTAH TAULIH.

Adapun bermula peraturan-peraturan mengajar 1491,(Peraturan Tauliah) seperti mana yang dijelaskan dalam Kartu Perajuan Negeri Perak seperti mana berikut:-

##### Fasal 2.(Malma).

Fasal ini menyebut makna Taulih ialah "Suatu surut ikasa yang dikeluarikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau bagi pihaknya.

##### Fasal 3(1) dan (2). (Ketenaran).

Fasal 3(1) menyebut sesiapa yang hendak mengajar sasauatu hukum Ugama Islam hendaklah terlebih dahulu mendapat Tauliah.

Fasal 3(2) perkecualian dari Fasal 3(1) seperti mana berikut:-

- (a). Sa-saorang yang mengajar sasauatu hukum Ugama Islam di rumah nya sendiri dan dihadapah ahli-ahli rumah nya sahaja, dan
- (b). Orang-orang yang mengajar di Sekolah-Sekolah Kerajaan atau Sekolah-Sekolah yang dibantu oleh Kerajaan.

##### Fasal 4(1) dan (2). (Temuduga).

Sabelum Taulih itu dikeluarkan maka Yang Dipertua bolehlah memanggil pemohon itu pada bila-bila masa untuk mengadakan temuduga. Pada ketika temuduga itu pemohon boleh memberikan butir-butir yang lebih lanjut yang difikirkan mustahak.

(9)."Suara Majlis".Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Perak.Bil.(1)

Pasal 5(1) dan (2). (Pengesahan oleh Duli Yang Maha Mulia).

Yang Di Pertua hendaklah menghantar semua pemohonan yang telah diluluskan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk disahkan. Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Yang Di Pertua dengan arahan Duli Yang Mulia bolehlah menandatangani serta mengeluarkan Tauliah itu.

Pasal 6. (Kenyataan).

Pemohon apabila menerima Tauliah itu hendaklah membuat kenyataan di hadapan Kadi.

Pasal 7. (Daftar).

Satu daftar mengenai semua Tauliah yang dikeluarkan hendaklah disimpan di Pejabat Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

Pasal 8. (Tauliah boleh dibatalkan)

Tauliah yang dikeluaran dibawah peraturan ini, boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Pasal 9. (Syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis),

- i. Sesorang yang menegang Tauliah hendaklah menunaikan syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis.
- ii. Tiap-tiap sebuah buku Agama yang digunakan oleh orang yang demikian itu hendaklah terlebih dahulu diluluskan terlebih dahulu oleh Majlis.
- iii. Orang yang demikian hendaklah menunjukan tauliah itu apabila dikehendaki untuk diperiksa oleh seorang Pegawai Majlis yang diberi kebenaran bagi maksud itu.

Pasal 10. (Perarahan mengenai Hukum Ugama Islam).

- i. Sesorang yang hendak bersyarak atau memberi ucapan mengenai hukum Ugama Islam hendaklah terlebih dahulu mendapat izin berasrama Yang Dipertua.
- ii. Permuhanan hendaklah dibuat dalam borang IV.
- iii. Yang Dipertua boleh mengeluarkan kebenaran yang ber tulis dalam borang V.
- iv. Peraturan kecil (i) dalam peraturan ini tidak akan di hadkan kepada meriksa yang memegang tauliah mengajar mana-mana hukum Ugama Islam yang dikeluaran mengikut peraturan-peraturan ini.
- v. Yang Dipertua boleh mengikut timbangnya mengecualikan seseorang juz daripada kehendak Peraturan Kecil(i) dalam peraturan ini.

Pasal 11. (Melanggar Peraturan-Peraturan).

Sesiapa yang melanggar mana-mana syarat Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan kesalahan dibawah Undang-Undang Pen-tadbiran Agama Islam, 1965. (10)

Syarat-syarat Tauliah.

Bagi guru-guru agama bertauliah yang hendak menyampaikan ilmu agama mereka mestilah memenuhi syarat-syarat seperti mana berikut:-

1. Tidak dibenarkan guru mengajar ditempat yang tinggi un-pama kerusi melainkan jika murid-murid nya diatas tem- pat yang tinggi saumpama tempat guru itu juga, dikecuaikan kehormatan yang patut seperti tilam.

- ii. Tidak dibenarkan mengajar satu tempat laki-laki dengan perempuan dengan tiada berdinding.
- iii. Tidak dibenarkan berjabat salam laki-laki dengan perempuan dan jika guru dengan murid-murid nya walaup berlapis sakalipun.
- iv. Tidak dibenarkan didalam majlis mengajar, mencerca atau menyebut nama guru yang lain atau ulamak-ulamak istemewa pula Raja-Raja dan orang-orang Besar dan segala pemerintah Negeri dengan mengeluarkan perintahan yang memberi sakit hati kepada siapa-siapa sakalipun.
- v. Hendaklah guru selalu monasihatkan murid-murid nya jangan sekali-kali mencerca murid-murid guru yang lain ataupun guru merika itu.
- vi. Dimestikan guru-guru memakai tertib malu sopan yang dinamakan dalam arab nya (Makarimul Adilah).
- vii. Tiada dibenarkan sekali-kali mengajar orang-orang perempuan pada malam hari dikecualikan di rumah sendiri dan diantara ahli-ahli rumah itu sahaja.
- viii. Jika didapati guru-guru melanggar syarat-syarat yang tersebut diatas itu atau melakukan apa-apa pekerjaan yang ditegah oleh Komiti Syarak, kelak diambil balik surat kuasa ini.(11).

(11). Section 9." The Muhammadan Laws Enactment, 1904"(PERAK).

112 2.

#### 2.1. TUGAS MENGAJAR.

"Tauliah adalah bentuk sumbu manusia yang dikeluarkan oleh Sultan Yang di-Pertua Negeri Perak atau bagi pihaknya."

Tauliah atau kebenaran ini menggabungkan dua aspek iaitu kebenaran mengajar dan kebenaran memberi tafsiran ayat-ayat Al-Qur'an, tetapi kebenaran memberi tafsiran ayat-ayat Al-Qur'an tidak perlu kebenaran dari Sultan Yang di-Pertua Negeri Perak bahkan memada dengan kebenaran dari Yang Di-Pertua Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perak sahaja.

Tauliah atau kebenaran mengajar yang dikeluarkan oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perak adalah mempunyai makna dan tujuan seperti yang berikut:-

##### i. Untuk pastikan orang yang mengajar berilmu.

Dalam konteks untuk memastikan benar-benar bahawa orang yang hendak mengajar terselut mempunyai bidang ilmu pengetahuan Agama yang tinggi dan agak mewas serta mendalam, sebab itu sebelum Tauliah atau kebenaran mengajar agama dikeluarkan, guru-guru berkenaan terpaksa membuat permohonan melalui borang khas dan terpaksa memasuki peperiksaan bertulis, dan apabila telah lulus dalam peperiksaan bertulis tersebut, maka merika berkenaan dikehendaki pula memasuki lagi peperiksaan sacra lisan (Shafawi). Ujian lisian dan ujian bertulis ini dikendalikan sahaja oleh olim Jawatan Masaza Fatwa Negeri Perak. Apabila seseorang itu telah lulus kedua-dua ujian tersebut, barulah seseorang itu diberi Tauliah Mengajar. Jadi dengan ini secara tidak langsung guru-guru berkenaan telah diiktiraf dalam bidang keilmuan Agama nya oleh Jawatan Masaza Fatwa Negeri Perak.